

Bahagian Keselamatan USIM agih bubur lambuk

KIRA-KIRA 650 bungkus bubur lambuk diedarkan secara percuma kepada semua kakitangan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di kampusnya, Bandar Baru Nilai, Nilai, Negeri Sembilan pada awal September lalu.

Menu istimewa yang menjadi hidangan setiap bulan Ramadan itu disediakan seawal pagi dan diedarkan kepada semua kakitangan institusi pengajian tinggi awam tersebut bermula pukul 5 petang. Penganjuran tradisi pada kali ini adalah dari Bahagian Keselamatan USIM.

Menurut Bahagian Keselamatan USIM, selain menghormati bulan Ramadan sebagai bulan yang mulia,

umat Islam digalakkan bersedekah di samping, dapat mengeratkan silaturahim antara satu sama lain.

Lantaran itu, bahagian tersebut telah mengambil inisiatif untuk sama-sama bersedekah, sekali gus memperoleh keberkatan pada bulan mulia lagi diberkati itu.

Pada acara pengagihan bubur lambuk petang itu, Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Abdul Shukor Husin telah menyempurnakan majlis tersebut. Turut sama mengagihkan bubur lambuk adalah Timbalan Naib Canselor HEP dan Alumni, Prof. Datuk Dr. Asin Dollah bersama pegawai-pegawai Bahagian Keselamatan USIM yang lain.



KAKITANGAN Bahagian Keselamatan Universiti Sains Islam Malaysia membungkus rapi bubur lambuk sebelum diedarkan kepada kakitangan.